

Ciri-ciri untuk menjadi pegawai veterinar

■ **Pelajar** yang berminat terhadap haiwan dan sains perubatan juga mungkin boleh mempertimbangkan untuk bergelar seorang veterinar atau doktor haiwan.

■ **Syarat** utamanya menceburi bidang veterinar ialah minat dan tahu bagaimana mengendalikan pelbagai jenis haiwan.

■ **Seorang** veterinar diperlukan untuk melakukan prosedur perubatan ke atas haiwan termasuk mendiagnosis penyakit, merawat kecederaan, menentukan jenis ubat untuk haiwan, memberi ubat pelali dan menjalankan pembedahan ke atas haiwan berkenaan.

■ **Ahli** veterinar juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada pemilik haiwan peliharaan mengenai cara pemakanan dan penjagaan yang betul.

■ **Ada** juga ahli veterinar yang menggunakan kemahiran mereka untuk melindungi manusia daripada penyakit bawaan haiwan dan mengendalikan kajian klinikal terhadap kesihatan manusia dan haiwan secara global.



Kerjaya Veterinar perlu ada minat

■ Oleh Habsah Dinin
ecah@nstp.com.my

SEMAKIN ramai orang kini memilih untuk membela haiwan peliharaan kerana sifatnya yang manja dan menghiburkan khususnya kepada kanak-kanak.

Memelihara haiwan peliharaan seperti kucing, anab, gecko, iguana, tikus hamster dan ikan hiasan nampak mudah tetapi kerjanya renyah.

Kita perlu pastikan persekitaran rumah sentiasa bersih dan tidak diserang penyakit yang boleh berjangkit kepada kanak-kanak di rumah.

Peningkatan jumlah orang yang gemarkan hobi sebegini bukan saja mengunjurkan pertambahan kepada permintaan dalam bidang veterinar tetapi juga menjadikan skop pekerjaan mereka yang terbabit dalam bidang ini sama ada doktor veterinar dan pembantu kesihatan veterinar juga meningkat.

Apa pun kejayaan sesuatu kerjaya banyak terletak kepada minat di samping berusaha yang dibuat untuk mencapainya.

Seperti kerjaya doktor perubatan, seorang veterinar diperlukan untuk melakukan prosedur perubatan ke atas haiwan termasuk mendiagnosis penyakit, merawat kecederaan, menentukan jenis ubat, memberi ubat pelali dan menjalankan pembedahan haiwan peliharaan dan ternakan.

Mereka juga bertanggungjawab memberi nasihat kepada pemilik haiwan peliharaan mengenai cara pemakanan dan penjagaan yang betul kepada mereka.

Sebab itulah syarat kelayakan untuk mengikuti jurusan ini adalah ketat kerana tugas sebagai veterinar penting dalam kesihatan dan penjagaan haiwan sama ada di makmal haiwan atau di zoo.

Ada juga veterinar yang menggunakan kemahiran mereka untuk melindungi manusia daripada penyakit bawaan haiwan dan mengendalikan



kajian klinikal terhadap kesihatan manusia dan haiwan.

Lulusan di bidang ini juga boleh mendapatkan pekerjaan di ladang dan industri ternakan serta pengeluaran makanan, klinik haiwan, agensi kerajaan, zoo, makmal haiwan, pensyarah di universiti dan membuka klinik haiwan sendiri.

Bagi pencinta haiwan, mereka yang berkecimpung dalam bidang ini sememangnya dianggap berjasa kepada makhluk berkenaan.

Bagi pelajar yang berminat, institusi pengajian tinggi tempatan (IPTA) ada menawarkan kursus yang melayakkan mereka bergelar doktor perubatan veterinar seperti di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Malah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) turut menawarkan jurusan Kesihatan Haiwan dan Penternakan yang mengiktiraf graduan lulusan itu sebagai Penolong Pegawai Veterinar dalam Perkhidmatan kerajaan dan penternakan.